



Tahun 3 No. 10

1hbl. July, 195

BERLANGSONG-NYA SUKAN ANTARA TIGA BUAH NEGERI² DI-BORNEO BRITISH
Borneo Utara balek dengan kejaya'an yang gilang gemilang

PERJUMPA'AN sukan antara negeri² di-Borneo British telah berlangsong sechara besar²an berturut² pada hari² Juma'at 20hbl. dan Sabtu 21hbl. June yang lalu. Negeri² yang telah mengambil bahagian itu ia-lah Brunei, Borneo Utara dan Sarawak. Antara sesak para penyaksi di-tamasha yang meriah dan bersejarah itu ia-lah Tuan² Yang Terutama Gubernur Sarawak merangkap Pesuroh Jaya Tinggi bagi Brunei, dan Gubernur Borneo Utara. Seri Paduka Duli Yang Teramat Mulia Pengeran Bendahara juga telah turun menyaksikan di-tamasha tersebut. Khemah² dan berkeliling padang telah penuh sesak dengan penyaksi² penggemar sukan, terdiri dari segala bangsa dan ugama dan dari golongan lelaki, perempuan termasuk budak² sekolah dan orang dewasa.

Sapanjang sukan itu berjalan semua peserta dari ketiga buah negeri itu kelelahan bergiat dan menunjukkan kebolehan masing² dan juga berazam merebut kemenangan dengan mengikuti tata tertib dalam sukan; bokti-nya 12 rekord baharu telah di-chapai tahun ini.

Tujuh rekord baharu telah di-buat oleh Borneo Utara, empat rekord telah di-buat oleh Brunei dan satu di-buat oleh Sarawak.

Perjumpa'an sukaan termaklum telah di-adakan di-Padang Pekan Brunei di-Bandar Brunei dan telah di-buka dengan resmi-nya oleh Tuan Yang Terutama Gubernur Sarawak merangkap Pesuroh J a y a Tinggi bagi Negeri Brunei, manakala sumpah sukan telah di-bacha oleh A. Sibidol, Ketua Pasokan Sukan Brunei.

Dalam perjumpa'an ini Borneo Utara telah dapat mengatasi markah² yang di-dapat oleh Sarawak dan Brunei dan dari-itu telah menyandang gelaran Johan bagi tahun 1958. Markah² yang di-chapai oleh ketiga negeri itu: Borneo^{Utara} mendapat 70 $\frac{1}{2}$ mata, Sarawak mendapat 47 mata dan Brunei mendapat 32 $\frac{1}{2}$ mata.

Hadiah² kepada yang berjaya telah di-sampaikan oleh M e m Gilbert isteri Yang Berhormat Tuan British Resident J.O. Gilbert.

Berita dan keputusan penuh mengenai sukan ini kita siar kan di-lambaran dalam.

DI-HUKUM KERANA BELUM LEPAS EDAH

Bintang binte Nadin dan Abdul-lah bin Haji Lamit telah di-jatuhkan hukuman penjara kerana melakukan jima'. Demikian dari Mahkamah Shara'iah Bandar Brunei.

Bintang, balu kepada Haji Kadir yang telah meninggal dunia belum pun tamat 4 bulan 10 hari kerana edah ia-lah selama itu, telah bersalah dengan Abdullah; pembichara'an beriangsong pada 16hbl. June yang lalu.

Kedua2 yang bersalah ini dari Kampong Lunapas; Abdullah di-jatuhkan hukuman penjara selama 3 bulan kerja berat manakala Bintang selama 1 bulan kerja ringan.

PERADUAN MENCARANG SANDEWARA
RADIO DAN BERKARANG CHERITA
PENDIK ANJURAN RADIO BRUNEI -
terbuka kepada penduduk Brunei

Pihak Radio Brunei menggalakkan sesiapa juga yang berada dalam Brunei supaya mengambil dalam bahagian mengarang sandewara dan cherita pendek. Hadiah2 akan di-berikan, untuk cherita sandewara yang pertama \$100., kedua \$60. dan ketiga \$40. Untuk cherita pendek pemenang yang pertama \$60., yang kedua \$40. dan ketiga \$25.

Cherita2 itu hendak-lah di-tulis pada sebelah muka sahaja dalam tulisan jawi atau pun runi, dan cherita2 yang berjaya akan di-siarkan melalui Radio Brunei dan semua cherita2 yang di-hantar untuk di-tandingkan ada-lah menjadi hak Radio Brunei. Hak2 untuk menyiarkan-nya, menyalin atau menerbitkan-nya ada-lah terpelera.

Peraduan ini di-tutup pada 31 hbl ini, keputusan hakim ada-lah jitu, tidak di-terima sabarang rayuan atau bantahan. Jika cherita2 yang mendapat tempat itu di-siarkan di-Radio akan di-adakan pembayaran sebanyak \$25. untuk sandewara radio dan \$10. untuk cherita pendek.

MENINGGAL di-MEKAH

Dengan sedeh di-beritakan bahawa 5 orang dari jama'ah Haji Brunei telah meninggal dunia di-Mekah. Demikian mengikut kawat2 yang telah di-terima dari Mekah.

Telah meninggal dunia pada 18hbl. June, 1958 ia-lah Mohd Ja'afar bin Haji Othman dari Kampong Lurong Sekun., Brunei berumur 45 tahun; Bayan bin Salleh berumur 70 tahun dari Kampong Pelanbayan, Brunei dan Ukoh binte Adan berumur 55 tahun dari Kampong Jerunin, Tutong.

Telah meninggal dunia pada 20hbl. June, 1958 ia-lah Orang Moya Muda Haji Hassan bin Ja'afar berumur 81 tahun dari Batang Tuan Temburong dan Marta binte Ja'afar berumur 70 tahun dari Kampong Pasai Batu 10, Sengkuring.

LAISIN PAJAK GADAI TIDAK LAGI

Mulai dari 1hbl. January, 1959 Kerajaan Brunei tidak lagi mengeluarkan laisin2 pajak gadai dengan tender. Pemohon2 akan di-timbangkan dan bayaran sabulan ada-lah \$75. bagi daerah2 Brunei, Kuala Belait dan Seria, \$25. bagi daerah2 Tutong dan Temburong.

Pemohonan2 hendak-lah di-tujukan kepada British Resident tidak lewat dari 30hbl. November, 1958 dan bayaran-nya hendak-lah tahunan, bayaran deposite sebanyak \$500 hendak-lah di-buat sebelum laisin di-keluarkan.

dari muka depan

KEPUTUSAN PENOH PERJUMPA'AN SUKAN BERLANGSONG DI-BRUNEI

Pada hari yang pertama, Hari Juma'at 20hbl. tamasha sukan itu telah di-mulakan selepas pembuka'an resmi-nya dan istiadat mengangkat sumpah tepat pada pukul 3.20 petang. Perlawanan2 hari ini berbilang sabanyak 11 jenis dan pada hari yang kedua ia-itu Hari Sabtu 21hbl. 15 jenis, perlawanan di-mulai pada pukul 2.30 petang.

Hari Pertama:

Lari 120 ela lompat pagar bahagian lelaki; yang pertama Ahmad Kream dari Borneo Utara, dengan masa 16.3 sa'at ia-itu rekord baru, kedua G.C. Yapp dari Brunei dan ketiga Chin Chee Leong dari Borneo Utara.

Lompat galah; yang pertama Joseph Chua dari Sarawak dengan tinggi-nya 10'8", kedua George Chong dari Brunei dan ketiga Tsen Kang Yin dari Borneo Utara.

Melempar lembeng bahagian perempuan; yang pertama Irene Sibidol dari Brunei dengan jauh-nya 87'6", kedua Fung Soon San dari Borneo Utara dan ketiga Chiew Kwán Mei dari Brunei.

Lomba lari 440 ela; yang pertama Tham Siew Kai dari Sarawak, dengan masa-nya 54.2 sa'at, kedua Lim Poi Ho dari Borneo Utara dan ketiga H.S. Kiprawi dari Sarawak.

Melempar lembing bahagian lelaki; yang pertama A. Sibidol dari Brunei dengan jauh-nya 165'9" ia-itu rekord baru, kedua Paran dari Sarawak dan ketiga Peter Govind dari Borneo Utara.

Lomba lari 100 ela bahagian perempuan; yang pertama P. Stahman dari Borneo Utara dengan masa-nya 12.1 sa'at ia-itu rekord baru, kedua Rose Chong dari Brunei dan ketiga Lau Suan Lim dari Sarawak.

Lompat jauh bahagian lelaki; yang pertama Gabuh bin Piging dari Borneo Utara dengan jauh-nya 22'10", kedua Joseph Lee dari Sarawak dan ketiga Peter Paut dari Borneo Utara.

Lompat tinggi bahagian perempuan; yang pertama Adina Abad dari Borneo Utara dengan tinggi-nya 4'8", kedua Elizabeth Lim dari Borneo Utara juga dan ketiga Kit Lui Su dan Frances Chia kedua2-nya dari Sarawak.

JAMUAN PERPISAHAN UNTOK GILBERT
Penduduk2 di-daerah Tutong akan mengadakan satu jamuan ramah tamah kerana memberi selamat berpisah kepada Yang Berhormat Tuan British Resident J.O. Gilbert dengan mem-nya pada esok tengah hari bertempat di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.
Tuan Gilbert akan balek ka-negeri-nya bersara sabagai British Resident Brunei dalam bulan ini.

- sambongan dari muka 3 -

Lomba lari 3 batu; yang pertama A. Wahab Salleh dari Sarawak dengan masa-nya 16 minit 33.2 sa'at, kedua D.S. Kler dari Borneo Utara dan ketiga Lim Yang Hang dari Sarawak.

Melempar peluru bahagian perempuan; yang pertama Irene Sibidol dari Brunei dengan jauh-nya 27 kaki 3 inchi, kedua Rose Ng dari Borneo Utara dan ketiga Fung Soon San juga dari Borneo Utara.

Lari berganti 2 440 ela; yang pertama Sarawak, kedua Borneo Utara dan ketiga Brunei.

Hari Kedua:

Lari 80 meter lompat pagar bahagian wanita; yang pertama Emily Mathews dari Borneo Utara dengan masa-nya 14.2 sa'at, kedua Rosalind Anding dari Sarawak dan ketiga Frances Chia dari Sarawak.

Lari 100 ela bahagian lelaki; yang pertama Joseph Lee dari Sarawak dengan masa-nya 10.1 sa'at ia-itu rekord tahun lalu, kedua T. Janting juga dari Sarawak dan ketiga P. Vatsaloo dari Brunei.

Melempar piring besi; yang pertama A. Sibidol dari Brunei dengan jauh-nya 112 kaki 4 inchi ia-itu rekord baru, kedua Eric Chin dari Borneo Utara dan ketiga Anang bin Gambidi juga dari Borneo Utara.

Lomba lari 880 ela bahagian lelaki; yang pertama A.S. Man dari Borneo Utara dengan masa-nya 2 minit 7 sa'at ia-itu rekord baru, kedua Tham Siew Kai dari Sarawak dan ketiga Jules Mason dari Sarawak juga.

Lomba lari 220 ela bahagian wanita; yang pertama P. Stahman dari Borneo Utara, dengan masa-nya 29.8 sa'at, kedua Lau Suan Lin dari Sarawak dan ketiga Fung Soon Moi dari Borneo Utara.

Peraduan lompat kijang; yang pertama Gabuh bin Piging dari Borneo Utara dengan jauh-nya 49 kaki 1½ inchi ia-itu rekord baru, kedua Peter Paut juga dari Borneo Utara dan ketiga M. Maturine dari Brunei.

Melempar lembeng bahagian wanita; yang pertama Irene Sibidol dari Brunei dengan jauh-nya 90 kaki 4 inchi, kedua Fung Soon San dari Borneo Utara dan ketiga Valerie Kane dari Borneo Utara juga.

Lari 220 ela bahagian lelaki; yang pertama Fung Oi Chuen dari Borneo Utara dengan masa-nya 23.7 sa'at, kedua Kuda dari Sarawak dan ketiga Patrick Lim dari Borneo Utara.

SAMBUTAN HARI RAYA HAJI SMJA DAN SMLM MEN'ADAKAN MAJLIS BAHATH

Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal al-Alam, Brunei bergabung dengan Sekolah Melayu Laila Menchanai, Brunei telah mengadakan sambutan Hari Raya Haji tahun ini dengan mengadakan pertandingan2 bahath, sharahan dan bacha'an Qoran.

PERTANDINGAN MEMBACHA QORAN

Sambutan Bulan Moharram

nama peserta di-terima tidak lewat 5hbl July

Sabagaimana tahun2 yang sudah sambutan tahun baharu Hijerah (Tahun Islam) bagi tahun ini akan di-adakan juga pertandingan membacha Al-Qoran terbuka kepada orang2 dewasa dan budak2 sekolah lelaki dan perempuan anjoran Persatuan Kesatuan Islam, Brunei.

Pertandingan ini akan di-adakan di-Mesjid Besar Pekan Brunei pada 19hbl. July akan datang ini bersama'an dengan 2hbl. Moharram, 1378.

Pertandingan bagi orang2 dewasa akan di-bahagi kepada dua bahagian ia-itu bahagian "A" dan "B".

Yang berjaya mendapat tempat yang pertama dan kedua dalam bahagian "B" akan dapat masuk bertanding ka-dalam bahagian "A", dan saterus-nya yang berjaya dari bahagian ini akan memasoki pertandingan seluruh Negeri Brunei, yang akan di-langsungkan pada 27hbl. July, 1958, juga bertempat di-Mesjid Besar Pekan Brunei.

Orang ramai yang ingin memasoki pertandingan ini ada-

Sambutan2 tersebut telah di-adakan di-Sekolah Melayu SMJA; pertandingan bacha'an Qoran di-adakan pada 27hbl. June yang lalu, dan pada malam 28hbl. pula di-adakan peraduan bahath dan sharahan, kesemua-nya ini hanya terbuka kepada murid2 sekolah2 termaklum.

Sementara itu Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah juga telah mengadakan sambutan Hari Raya ini dengan pertandingan bacha'an Kitab such Al-Qoran bertempat di-dewan sekolah itu. Sambutan ini telah di-selenggarakan pada 27hbl. June yang baharu lalu ini.

UNDANG2 IMMIGRATION MULAI BERJALAN HARI INI -

Undang2 baru Immigration sabagaimana yang tersiar di-akbar2 tempatan dan melalui Radio Brunei hari ini kuasa-nya sudah mulai berjalan. Demikian di-fahamkan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Council.

lah dengan ini di-ingatkan supaya menghantarkan nama-nya terus kepada Setia Usaha Pertandingan Membacha Qoran dengan alamat-nya di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal al-Alam, Pekan Brunei tidak lewat dari 5hbl. JULY, 1958 ini. Hantar-lah nama dan alamat yang terang.

WAKIL2 BRUNEI KA PERTUNJOKAN TANAM2AN DI-KUALA LUMPUR, MALAYA

- sambongan dari muka 4 -

Melempar peluru bahagian lelaki; yang pertama A. Sibidul dari Brunei dengan jauh-nya 44 kaki 10 inchi ia-itu rekord baru, kedua Eric Chin dari Borneo Utara dan ketiga Tan Teng Chew dari Sarawak.

Lompat jauh bahagian wanita; yang pertama Rose Chong dari Brunei dengan jauh-nya 16 kaki 8 $\frac{1}{2}$ inchi ia-itu rekord baru, kedua Chen Li Na dari Sarawak dan ketiga Adina Abad dari Borneo Utara.

Lari satu batu; yang pertama Dilbagh Singh Kler dari Borneo Utara dengan masa-nya

4 minit 44 sa'at ia-itu rekord baru, kedua A. Wahab Salleh dari Sarawak dan ketiga Lim Yang Hang juga dari Sarawak.

Lompat tinggi bahagian lelaki; yang pertama Lim Thau Ken dari Borneo Utara dengan tinggi-nya 5 kaki 10 inchi ia-itu rekord baru, kedua Peter Paut dari Borneo Utara juga dan ketiga Leong Chin Hin dari Sarawak.

Lari berganti2 bahagian wanita: 440 ela; yang pertama Borneo Utara dengan masa-nya 55.6 sa'at ia-itu rekord baru, kedua Sarawak dan ketiga Brunei.

Lari berganti2 4X440 ela bahagian lelaki; yang pertama Sarawak dengan masa-nya 3 minit 38 sa'at ia-itu rekord yang baru, kedua Borneo Utara dan ketiga Brunei.

Jumlah markah yang di-menangi oleh bahagian lelaki pasokan Borneo Utara 43 $\frac{1}{2}$ mata, Sarawak 36 mata dan Brunei 16 $\frac{1}{2}$ mata. Bahagian wanita pasokan dari Borneo Utara memenangi 27 mata, Sarawak 16 mata dan Brunei 11 mata.

peringatan:

pemenang yang pertama di-beri 3 markah,
pemenang yang kedua di-beri 2 markah dan
pemenang yang ketiga diberi 1 markah.

Lima orang wakil2 dari Brunei telah bertolak ka-Kuala Lumpur, Malaya pada minggu yang lalu kerana menghadziri tamasha Pertunjukan Tanam2an yang telah pun diadakan pada 27 hingga 29hbl. June yang lalu di-Kuala Lumpur.

Wakil2 itu ia-lah Tuan Pegawai Tanam2an Inche' Hamiddun bin Awang Damit, Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Awang Umar, Awang Majid bin Haji Bakar, Johan bin Untak dan Inche' Hussain bin Abdul Hamid.

Inche' Hamiddun di-jangka akan balek ka-Brunei pada 2hbl. July ini dan yang lain-nya lagi pada awal bulan ini.

----- 6 -----

SULTAN TERIMA JEMPUTAN SULTAN

Baharu2 ini telah di-terima lagi satu surat jawapan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan atas jemputan DYMM Sultan Brunei kerana mengha-dziri tamasha Pembuka'an Resmi Mesjid Baru yang akan di-lang-songkan pada akhir September akan datang ini.

Hingga kini tiga jawapan2 dari Sultan2 Malaya telah di-terima, nenerima jemputan Sul-tan Brunei.

Dua orang lagi yang meneri-na jemputan itu ia-lah Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

✕ PERSIDANGAN KEHUTANAN KE-3

ANTARA TIGA NEGERI2 DI-BORNEO BRITISH TELAH MULAI 27hbl. JUNE

Persidangan Kehutanan yang ketiga antara ketiga buah Negeri2 diBorneo British: Brunei, Borneo Utara dan Sarawak telah di-mulai pada 27, 29hbl. dan lagi pada 4hbl. July akan datang ini.

Persidangan yang pertama telah bertempat di-Sandakan, Borneo Utara dalam tahun 1955 dan yang kedua di-Sarawak tahun 1956. Per-sidangan yang ketiga sapatut-nya berlangsung dalam tahun 1957 di-Brunei, tetapi telah di-tanggohkan sahingga tahun ini.

Persidangan ini telah di-hadziri oleh Tuan Conservator of For-est Porneo Utara G.L. Carsons, Tuan Acting Conservator of Forest Sarawak B.E. Smythies, Tuan Pegawai Kehutanan Brunei Dr E.F. Bruning, Tuan Penangku Conservator of Forest Borneo Utara P.F. Burgess, Tuan Forest Ecologist Borneo Utara D.I. Nicholson, Tuan Forest Research Officer Sarawak J.A.R. Anderson dan Tuan Forest Botanist Brunei P.S. Ashton.

Persidangan di-adakan pada tiap2 tahun guna menchapai perhu-bongan yang rapi serta kerjasama di-antara ketiga buah negeri ini; perbincangan2 pada dua hari persidangan mengenai kebolehan2 meng-gabongkan pengeluaran kayu dari ketiga2 negeri dan mengenai ne-ngadakan Sekolah Kehutanan bagi ketiga buah negeri ini juga yang menang ini perkara sunggh penting bagi masa hadapan. Persidangan bertempat di-Muara Lodge.

Pada penutup persidangan ini semua ahli2 yang mewakili negeri nasing2 akan di-bawa menyaksikan chuntoh2 perusaha'an hal kehu-tanan di-Brunei, antara lain di-Hutan Simpan Andulau, Hutan Sim-pan Anduki dan di-Badas. Salain dari itu ahli2 persidangan itu juga di-jangka akan di-bawa melihat2 tumpok2 hutan di-Brunei dari udara, dan mengikhtiarkan bagaimana masalah2 berkenaan hutan di-Brunei akan di-tempoh.

Persidangan akan datang di-adakan di-Borneo Utara dalam tahun 1959, ia-itu persidangan kehutanan yang ke-4.

✕ TERLEPAS DARI PENJARA

Dua orang salah yang telah di-penjara di-Pinjara Jerudong tel-ah dapat melarikan diri baharu2 ini. Demikian telah di-beritahu-kan dari pihak police.

Kedua2 orang salah yang lari itu ia-lah orang2 Iban, masing2 bernama Marin anak Sanda yang sedang menjalankan hukuman penja-ra selama 6 tahun dan Garinang anak Aji yang sedang menjalan-kan hukuman penjara selama 9 bu-lan.

Sahingga menyediakan berita ini belum ada apa2 penerangan lanjut dari pihak police telah di-terima, tetapi pencharian te-lah pun di-jalankan .

RENCHANA MENANGGUL TASEK

Dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah berlangsung permashuaratan-nya baharu2 ini, telah mempersetujui supaya Kerajaan meneruskan Renchana Menanggul Tasek. Jumlah angka yang di-anggar bagi menanggul itu di-sediakan sebanyak \$4,800,000.

Pekerja'an bagi membena tanggul ini hendak-lah di-beritahukan untok di-tender.

JABATAN MENCHITAK KERAJA'AN

Satu chadangan supaya Kerajaan Brunei mengadakan Jabatan Menchitak sendiri telah di-hadapkan oleh Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohammad Daud. Chadangan ini telah di-sukong oleh Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun.

Bagi menjawab chadangan ini, Yang Berhormat British Resident mengatakan yang ia-nya akan menimbangkan perkara ini.

PERAMPOKAN DI-SERIA

Satu perampokan telah berlaku di-Seria pada 20hbl. June yang lalu apakala perampok yang bertoping itu telah dapat melarikan wang sebanyak \$2,000 dari sa-orang penyimpan wang di-Pejabat Buroh BSP Co., Seria.

Perampok itu sebelum merampok telah membutakan mata si-penyimpan wang itu dengan lada, ia-nya memakai toping dan kemudian merampas wang sebanyak \$2,000 dari tangan penyimpan wang itu lalu lari meninggalkan si-penyimpan wang hampir buta.

Majlis Mashuarat Negeri telah mempersetujui lantekan Dr Chang Wan Yu sabagai Inspector bagi sekolah2 China. Lantekan ini hendak-lah dalam penchoba'an sa-lama 6 bulan salepas mana jika di-dapati dalam masa itu ia telah menenohi maksud2 sabenarnya akan di-terima terus menja-di Inspector sekolah2 China sa-lama 2 tahun konterek.

Dalam pada itu majlis itu juga bersetuju supaya Mr Yong Yin Fatt di-lantek bekerja di-bawah asohan Dr Chang. Mr Yong ia-lah sa-orang guru di-SOAS College yang telah di-fikirkan layak bagi menasoki latehan tersebut.

Salain dari itu Majlis ini juga bersetuju atas lantekan Miss H.K. Watson sabagai English Specialist.

ORANG KILANAS BOLEH MENANAM PADI?

Apakala di-tanya, Yang Berhormat Tuan British Resident dalam Majlis Mashuarat Negeri menjawab tidak ada sebab mengapa orang2 di-Kilanas/boleh bertanam padi tahun ini kalau hujan menchukupi. Pertanya'an itu datang-nya dari Yang Berhormat Pengeran Ali waktu majlis sedang merundingkan pembikinan terusan di-Limbang.

Selanjut-nya Resident telah mengatakan bahawa itu ada-lah penangan dari Dr W.N. Scott kapada Council. Saterus-nya chara pengairan yang lama boleh di-perbuat bagi mengayer kawasan2 biasa itu kalau-lah ayer hujan boleh menchukupi-nya, dan penanaman juga boleh di-jalankan saperti biasa.

Pihak police sekarang sedang menjalankan penyiasatan yang rapi, dan samantara itu orang ramai adal-ah di-seru supaya bekerja sana dalam penyiasatan ini.